



1. **PENOLONG PESURUHJAYA BURUH
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran [*Health, Safety and Environment, (HSE)*] atau bidang bersesuaian.

- b) **TANGGAGAJI B.2:**

i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran [*Health, Safety and Environment, (HSE)*] atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

ii) Sedang berkhidmat di Jabatan Buruh sebagai Pemeriksa Buruh Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

iii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENOLONG PESURUHJAYA BURUH:

1. Membuat laporan serta cadangan pembaikan urusan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja [*Occupational Safety and Health – Management System (OSH-MS)*] kepada agensi-agensi Kerajaan dan Swasta.
2. Membuat perancangan strategik bagi melaksanakan Penguatkuasaan Undang-Undang Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009 serta langkah-langkah pemberitaan maklumat-maklumat Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja bagi meningkatkan lagi kesedaran para majikan dan pekerja serta orang ramai.
3. Memberikan latihan, kursus serta konsultasi kepada agensi-agensi Kerajaan dan Swasta mengenai dengan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja serta cara-cara perlaksanaannya.
4. Melakukan pemeriksaan dan pemantauan di tempat pekerjaan bagi memastikan ianya selamat dan berada didalam tahap piawaian yang telah ditetapkan oleh undang-undang.
5. Membuat penyiasatan terhadap sebarang kemalangan di tempat kerja serta mengambil langkah-langkah penguatkuasaan undang-undang Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja 2009.
6. Mengetuai operasi-operasi bersepadu bersama agensi-agensi Kerajaan yang lain mengenai dengan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.
7. Mencadangkan polisi-polisi serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.
8. Membuat penyelidikan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja serantau dan antarabangsa dan menyediakan cadangan yang bersesuaian dan relevan untuk digunapakai di Negara Brunei Darussalam.
9. Membuat laporan hasil pemeriksaan atau operasi Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja.